

**Perdana Menteri Britain Pulang Selepas Lawatan Rasmi Dua Hari
Bernama
13 April , 2012**

SEPANG, 13 April (Bernama) -- Perdana Menteri Britain David Cameron hari ini berlepas ke Myanmar, sebelum pulang ke Britain, selepas mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.

Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur bagi mengucapkan selamat jalan kepada Cameron ialah Timbalan Menteri Luar Datuk Richard Riot, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Mahathir dan Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia Simon Featherstone.

Lawatan Cameron ke Malaysia adalah atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan merupakan lawatan rasmi pertama beliau ke Malaysia sejak memegang jawatan itu pada Mei 2010.

Kali terakhir Perdana Menteri Britain mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia adalah pada 1993 oleh Sir John Major.

Cameron diiringi oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Pelaburan Britain Lord Stephen Green serta Timbalan Menteri Universiti dan Sains Britain David Willets bersama delegasi terdiri daripada pegawai kerajaan, pemimpin perniagaan dan media Britain.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658766>